



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-
20984800

Fax : 03-
20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/99

PERLANTIKAN RHB BANK SEBAGAI AGEN UNTUK MEMUNGUT LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

1. TAFSIRAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai perlantikan RHB Bank Berhad sebagai agen pemungut untuk mengutip bayaran levi pembangunan sumber manusia bagi menggantikan Sime Bank Berhad.

2. INTERPRETATION

- 2.1 Cawangan **RHB Bank** bermaksud cawangan RHB Bank yang sedia ada sebelum penggabungan.
- 2.2 Cawangan **RHB Bank baru** bermaksud cawangan Sime Bank yang menjadi cawangan RHB Bank selepas penggabungan.

3. LATARBELAKANG

- 3.1 Sebelum 29 Jun 1999, Sime Bank Berhad merupakan antara dua bank yang dilantik sebagai agen pemungut untuk mengutip bayaran levi pembangunan sumber manusia bagi pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, ikutan daripada penggabungan Sime Bank Berhad dengan RHB Bank Berhad pada 29 Jun 1999, Sime Bank Berhad telah diserapkan ke dalam RHB Bank Berhad dan dengan demikian, tidak lagi wujud selepas tarikh tersebut.
- 3.2 Melalui proses penyerapan itu juga, RHB Bank Berhad dengan sendirinya secara automatik menjadi agen pemungut baru yang dilantik oleh Majlis untuk mengutip bayaran levi pembangunan sumber manusia.

4. IMPLIKASI

- 4.1 Adalah difahamkan bahawa cawangan RHB Bank dan cawangan RHB Bank yang baru (cawangan Sime Bank yang menjadi cawangan RHB Bank selepas penggabungan) menggunakan dua sistem yang berlainan di mana cawangan RHB Bank baru mempunyai kemudahan untuk menerima dan menginput data bayaran levi ke dalam sistem komputer manakala cawangan RHB Bank tidak. Ini mengakibatkan cawangan RHB Bank tidak dapat mengesahkan bayaran levi majikan yang dibuat sama ada melalui borang 3A, borang 3B atau borang D secara "machine print" kecuali dengan menurunkan cop penerimaan secara manual sahaja.
- 4.2 Keperluan untuk mendapatkan "machine print" pada borang 3A, borang 3B dan borang D adalah amat penting kepada Majlis dan majikan kerana itu adalah merupakan bukti prima facie untuk mengesahkan bahawa levi telah dibayar. Keperluan "machine print" ini juga adalah untuk menentukan tarikh sebenar bila bayaran levi dibuat.
- 4.3 Oleh yang demikian, bayaran levi pembangunan sumber manusia **hendaklah dibayar** di cawangan RHB Bank yang baru (iaitu **di cawangan Sime Bank yang lama**) bagi mengelakkan majikan dikenakan bayaran faedah kerana borang

bayaran levi Majlis tidak di"machine print" pada hari levi dibayar di bank.

- 4.4 Majikan adalah juga terus digalakkan untuk membayar levi pembangunan sumber manusia di mana-mana cawangan Public Bank yang berdekatan kerana **Public Bank masih lagi merupakan satu lagi agen pemungut** untuk Majlis.
- 4.5 Dalam apa jua keadaan, penggabungan ini tidak melibatkan penggunaan nombor akaun baru Majlis dengan RHB Bank. Nombor akaun RHB Bank dan Public Bank adalah seperti berikut: -

NAMA BANK	NOMBOR AKAUN
RHB Bank Berhad	3601637000060
Public Bank Berhad	3999060003

5. PENUTUP

- 5.1 Penggabungan Sime Bank Berhad dengan RHB Bank Berhad akan mengakibatkan bilangan cawangan bank yang dibenarkan untuk memungut levi pembangunan sumber manusia bertambah dan dengan demikian akan memudahkan lagi majikan untuk membuat bayaran terutamanya apabila sistem komputernya dapat "machine print" semua jenis borang bayaran Majlis.

6. TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMBATALAN

- 7.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Majikan Bil. 7/99 ini, Pekeliling Majikan Bil. 2/97 adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"latihan terancang tunggak kecemerlangan"

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

b.p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia
s.k. RHB Bank Berhad
RHB Centre
Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
Public Bank Berhad
Menara Public Bank
No. 146, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR

